



## ***Diembargo sehingga***

***4.00 petang, 29 Julai 2020***

### **BULAN BAHASA – RAIKAN 32 TAHUN USAHA MELESTARIKAN BAHASA**

Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) mengalu-alukan kehadiran kita semua untuk meraikan 32 tahun sambutan Bulan Bahasa, dari 15 Ogos hingga 11 Oktober 2020. Tahun ini, majlis pelancaran Bulan Bahasa juga akan ditayangkan pada Sabtu, 5 September 2020, jam 8.30 malam, di saluran Mediacorp Suria.

“Sememangnya kita kini berada dalam situasi luar biasa. Namun, situasi ini tidak menghalang kita untuk terus melestarikan bahasa Melayu. Sebaliknya, kita sentiasa mencari cara-cara baharu untuk meraikan bahasa kita. Mungkin sahaja kita dapat menghayati makna dan kerelevanannya bahasa Melayu dengan lebih mendalam lagi ketika kita bereksperimentasi dengan cara-cara baharu ini. Walaupun Bulan Bahasa akan disampaikan secara digital, intisari Bulan Bahasa, iaitu untuk memupuk minat masyarakat terhadap keindahan bahasa, sastera dan budaya Melayu dikekalkan,” kata Puan Rahayu Mahzam, Pengurus Jawatankuasa Bulan Bahasa. “Sepanjang 32 tahun ini, rasa sayang yang mendalam telah dicurahkan untuk memastikan kita terus mengekalkan rasa cinta akan bahasa Melayu. Banyak juga usaha dan tenaga yang telah diberikan untuk menjayakan Bulan Bahasa. Bahasa Melayu bukan hanya penting sebagai jambatan yang menghubungkan kita dengan budaya, tetapi ia juga bahasa yang dinamik. Dengan mendalami bahasa Melayu, kita dapat mempelbagaikan penggunaannya dalam konteks yang berbeza, seperti di rumah, sekolah dan juga tempat kerja. Ini akan membuka peluang bagi kita. Saya juga berharap bahawa ibu bapa dapat memainkan peranan yang penting dalam membantu anak-anak kita mempelajari dan menggunakan bahasa Melayu. Hal ini genting kerana anak-anak kita merupakan penerus kepada usaha kita secara bersama bagi melestarikan bahasa Melayu yang kita cintai.”

### **Program-program Digital untuk Semua**

Meskipun di tengah-tengah menangani pandemik Covid-19, masyarakat tetap berpeluang untuk mengenali versatilnya bahasa Melayu melalui program-program digital dari 15 Ogos hingga 11 Oktober 2020. Program-program ini akan menarik minat seluruh masyarakat.



Pelajari bahasa Melayu bersama anak-anak anda dengan menyertai **Kreatif Bahasa Bersama...** yang dianjurkan **Elements Pictures**. Dalam bengkel ini, ibu bapa dan anak-anak akan melukiskan masakan Melayu pilihan mereka serta bahan-bahan yang digunakan untuk menyiapkan masakan tersebut.

Kenalkanlah anak-anak anda dengan istilah-istilah kewangan dalam bahasa Melayu dalam program **Celik Kewangan dan Bajet Keluarga** oleh **Bio Dew Management International & Institute (BDMI)**. Melalui program ini, ibu bapa boleh memperkenalkan pendidikan celik wang kepada anak-anak sambil mempelajari pengurusan kewangan dan kosa kata yang berkaitan dengan ekonomi.

Bentuklah kumpulan yang terdiri daripada tiga hingga empat anggota dan sertailah **Pertandingan Busking (Seniman Jalanan)** oleh **Braddell Heights CC MAEC**. Dalam pertandingan virtual ini, peserta dikehendaki untuk mempersembahkan lagu-lagu bahasa Melayu ciptaan mereka sendiri. Kumpulan yang mempunyai ciptaan dan persembahan lagu yang terbaik akan memenangi piala.

### **Majlis Pelancaran dan Program yang Ditayangkan di Suria – 5 September 2020**

Seluruh masyarakat dijemput untuk menyaksikan pelancaran Bulan Bahasa 2020 yang akan menampilkan sebuah program yang kaya dengan kebahasaan dan kebudayaan Melayu. Saksikan tayangan pelancaran Bulan Bahasa 2020 pada Sabtu, 5 September 2020, jam 8.30 malam, di saluran Mediacorp Suria. Penonton akan disajikan dengan persembahan-persembahan oleh pelbagai lapisan masyarakat termasuk Duta Bahasa Asnida Daud, Zaibaktian, Aqmal Noor dan Nurfarhana M Noor, serta Rakan Bahasa dan ramai lagi.

### **Duta Bahasa 2020**

MBMS melantik Duta Bahasa sebagai pengguna dan pencinta bahasa Melayu. Tahun ini, tiga lagi individu telah dipilih berdasarkan penguasaan dan minat mereka terhadap bahasa Melayu, dan pelibatan mereka dalam masyarakat.

1. Dr Nur Farhan Alami – Doktor pakar bidang geriatrik
2. Dr Norshahril Saat – Pensyarah dan zamil kanan
3. Encik Sujimy Mohamad – Penerbit rancangan televisyen dan media sosial



Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Lampiran 1.

### **Identiti Kreatif Bulan Bahasa 2020**

Identiti kreatif Bulan Bahasa 2020 mengambil inspirasi daripada visual tahun lepas yang menerima sambutan hangat daripada masyarakat. Visual ini menampilkan lima lukisan (palari, kancil, singa, roket dan gitar) yang melambangkan cita-cita dan aspirasi berbeza untuk masyarakat.

Kelima-lima lukisan ini dikekalkan dalam identiti kreatif tahun ini dan disusun dalam corak songket. Kesenian dan tenunan songket melambangkan keinginan dan keperibadian masyarakat Melayu yang kukuh. Ia juga melambangkan perjalanan masyarakat kita dalam mencorak identiti bahasa mereka yang tersendiri. Corak-corak ini merupakan unit-unit yang membangunkan lanskap bahasa yang dinamik.

Sila rujuk kepada Lampiran 2 untuk identiti kreatif Bulan Bahasa 2020 dan perincian tentang kelima-lima lukisan.

### **Buku-buku Nota Bulan Bahasa 2020**

Guru-guru Bahasa Melayu yang dianugerahkan Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) terus menyumbangkan isi kandungan untuk buku-buku nota yang dihasilkan sempena Bulan Bahasa. Tahun ini, buku-buku nota ini mengandungi isi yang merangkumi pelbagai aspek, termasuk budaya, sejarah dan citra bahasa. Topik serta penyumbangnya seperti yang berikut.

<b>Topik Buku Nota</b>	<b>Disumbangkan oleh</b>
<i>Jadilah Pempengaruh yang Peka Bahasa</i>	Cikgu Arfah Buang
<i>Tip Memupuk Penggunaan Bahasa Melayu pada Usia Muda</i>	Cikgu Azhar Abdul Rashid
<i>Rasa Apa?</i>	Cikgu Muhammad Andi Zulkepli
<i>Nama-nama Kawasan di Singapura</i>	Cikgu Norasiken Mohamed Noor
<i>Sajian-sajian Khas Majlis Keramaian Orang Melayu</i>	Cikgu Nurhafeza Hanem



Buku-buku nota ini akan diberikan kepada sekolah-sekolah dan rakan-rakan kerjasama Bulan Bahasa.

### **Rakan Bahasa 2020**

Rakan Bahasa terus giat menerbitkan video-video NewsMaker menggunakan aplikasi NewsMaker yang ditaja oleh TeeVers. Pelajar-pelajar menerbitkan video-video ini berdasarkan tema-tema yang disiapkan Jawatankuasa Bulan Bahasa ataupun tema-tema pilihan mereka. Untuk menonton video-video ini, sila ke laman ini <https://tinyurl.com/RB2020pl>.

~~~

### **Mengenai Bulan Bahasa anjuran Majlis Bahasa Melayu Singapura**

Bulan Bahasa pertama kali dilancarkan pada tahun 1988 oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) dan diadakan dua tahun sekali. Sejak 2011, ia menjadi sambutan tahunan yang terus menarik minat, penyertaan dan sokongan masyarakat.

Sebagai daya usaha unggul MBMS, Bulan Bahasa menggalakkan masyarakat menghargai dan menggunakan bahasa Melayu di dalam kehidupan mereka dalam usaha melestarikan warisan masyarakat Melayu.

Untuk maklumat lanjut mengenai MBMS dan Bulan Bahasa, sila lungsuri [mbms.sg](http://mbms.sg) dan [facebook.com/majlisbahasa](https://facebook.com/majlisbahasa).

### **Tema Bulan Bahasa**

Tema Bulan Bahasa ‘Cita. Citra. Cinta. Bahasa Kita.’ menggambarkan langkah kita mengharungi era baharu; berkembang daripada tema ‘Ilmu. Budaya. Mesra.’. ‘Cita’ menggambarkan keinginan, hasrat dan harapan masyarakat dalam usaha untuk mengekalkan kerelevan penggunaan bahasa Melayu. ‘Citra’ memaparkan kepelbagaian dan kesesuaian bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan perantaraan. ‘Cinta’ pula memaparkan minat masyarakat untuk menyayangi akan nilai dan seni bahasa Melayu yang indah.



## Lampiran 1

### Duta Bahasa 2020



**Dr Nur Farhan Alami** seorang pakar geriatrik di Hospital Raffles. Sebagai seorang doktor perubatan untuk warga emas, beliau banyak menggalakkan pencegahan penyakit dan menggalakkan masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat. Beliau banyak menulis rencana-rencana untuk akhbar tempatan. Selain itu, beliau sering tampil dalam program-program televisyen untuk mengetengahkan isu-isu perubahan sikap kesihatan yang positif untuk masyarakat. Sebagai contoh, beliau menerajui program televisyen ‘Check Up Minggu Ini’ dan ditampilkan dalam program ‘Sihat Oh Sihat’ di saluran Mediacorp Suria.

Beliau kini seorang ahli dalam kumpulan kerja M<sup>3</sup> (sebuah inisiatif oleh Muis, MENDAKI dan MESRA) bersama doktor-doktor lain. Tugas mereka termasuk membantu masyarakat kita menangani isu-isu dan keperluan kesihatan masyarakat Melayu melalui program-program M<sup>3</sup>.

Beliau percaya bahawa penguasaan bahasa Melayu yang baik boleh membantu kita untuk memahami isu-isu kesihatan dengan baik, dan menggalakkan perubahan sikap dan tanggapan terhadap kesihatan. Sebagai seorang Duta Bahasa, beliau berazam untuk terus menggunakan bahasa Melayu sebagai wadah untuk memahami keperluan masyarakat kita, dan juga untuk menggalakkan kesihatan dan kesejahteraan individu.



## Duta Bahasa 2020



**Dr Norshahril Saat** merupakan seorang pensyarah dan Zamil Kanan di ISEAS – Institut Yusof Ishak. Beliau juga ialah Pengerusi Yayasan Warisan Melayu (MHF). Pada tahun 2015, beliau meraih ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang Pengajian Antarabangsa, Politik dan Strategik dari Australian National University (ANU). Beliau ialah penerima biasiswa possiswazah Majlis Ugama Islam

Singapura (Muis) 2011. Pada tahun 2015 juga, beliau merupakan penerima sulung biasiswa Syed Isa Semait (SISS).

Sejauh ini, beliau telah menulis empat buah buku, menyunting beberapa buku yang lain, dan menerbitkan beberapa makalah dalam jurnal-jurnal akademik. Antara buku tulisan beliau ialah ‘*Alternative Voices in Muslim Southeast Asia: Discourse and Struggles*’ dan ‘*Yusof Ishak: Singapore’s First President*’. Beliau juga telah menerbitkan rencana-rencana bahasa Inggeris dan Melayu untuk akhbar-akhbar The Straits Times, Berita Harian, Berita Mediacorp, dan TODAY.

Sebagai Duta Bahasa, Dr Norshahril ingin berkongsi cara pembelajaran sastera yang telah menyuntik minat mendalam beliau terhadap bahasa Melayu sejak kecil lagi. Beliau juga ingin menyemai minat golongan muda untuk menulis dalam bahasa Melayu, dan menjana pemikiran dan wacana kritikal melalui bahan-bahan yang ditulis dalam bahasa Melayu.



## Duta Bahasa 2020



**Encik Sujimy Mohamad** merupakan Pengarah Urusan syarikat ScreenBox Pte Ltd, sebuah agensi kandungan digital di Singapura. Dengan pengalaman kandungan melebihi 30 tahun serta minat yang mendalam untuk bercerita, beliau telah menerbitkan rangkaian kandungan digital yang tertumpu kepada masyarakat Melayu / Islam di sini.

Terkenal dengan vlog-vlog yang memaparkan kisah-kisah berunsur kemanusiaan dan isu sosial, beliau juga

mempunyai pengaruh digital yang luas. Sebagai seorang ayah, kisah-kisah yang dipaparkan termasuk cerita-cerita yang menggalakkan nilai-nilai kekeluargaan dan kemasyarakatan.

Sebagai seorang Duta Bahasa, beliau percaya media sosial dapat menjadi wadah untuk menggalakkan para penonton dan anggota masyarakat lain menggunakan bahasa Melayu dengan lebih kerap. Jangkauan beliau di media sosial diharap akan dapat mencetuskan perbualan dalam bahasa Melayu. Beliau juga berharap bahasa indah ini akan sebatи dalam diri dan kehidupan generasi akan datang.



## Lampiran 2

### Identiti Kreatif Bulan Bahasa 2020





Identiti kreatif Bulan Bahasa 2020 mengambil inspirasi daripada kesenian dan tenunan songket. Visual ini juga mengekalkan lima lukisan (palari, kancil, singa, roket dan gitar) yang melambangkan cita-cita dan aspirasi berbeza untuk masyarakat.

### **Perincian Mengenai Lima Lukisan**

1. Palari – Kapal Palari merupakan kapal laut yang dibina oleh orang-orang Bugis. Kapal laut ini biasanya dikaitkan dengan perdagangan pada abad ke-20 dan melambangkan perdagangan dan perantaraan di Nusantara. Seperti kapal Palari, bahasa Melayu merupakan wadah komunikasi yang menghubungkan orang-orang dari pelbagai budaya dan kawasan di Nusantara ini.
2. Kancil – Sang Kancil dikenali sebagai watak protagonis dalam beberapa cerita rakyat terkenal seperti ‘Sang Kancil dan Buaya’ dan ‘Sang Kancil dan Gajah’. Pertemuan Sang Kancil dengan haiwan-haiwan hutan mencerminkan kecerdasan pemikiran dan kebolehannya untuk menyesuaikan diri ketika menghadapi cabaran. Kebijaksanaan Sang Kancil boleh dijadikan contoh apabila kita menghadapi cabaran dalam kehidupan.
3. Singa – Sejarah Melayu menceritakan peristiwa Singapura yang telah dinamakan oleh Sang Nila Utama setelah beliau menyaksikan keberanian dan kekuatan seekor singa. Seperti seekor singa, kita harus bangga akan identiti dan budaya Melayu.
4. Roket – Roket melambangkan perubahan, inovasi dan kepelbagaian. Roket melambangkan keinginan kita untuk menyebarluaskan dan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu melalui cara-cara yang menarik dan inovatif. Kita digalakkan agar terus meneroka cara-cara dan wadah baharu supaya dapat melestarikan penggunaan bahasa Melayu di Singapura.
5. Gitar – Nusantara melahirkan ramai seniman yang menghasilkan pelbagai muzik tradisional dan kontemporari. Muzik mencetuskan perasaan seseorang dan dapat menghubungkan jiwa, lantas mengeratkan hubungan sesama individu. Gitar melambangkan hubungan ini. Seperti muzik, penggunaan bahasa Melayu dapat menghubungkan masyarakat tanpa mengira latar belakang dan usia.